

**PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**
KUITHO.PB10.12/14(21)

Tarikh:10 Mac 2005

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2005

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Dato'/Prof./Tuan /Puan

**PINDAAN SYARAT GAJI POKOK UNTUK PINJAMAN KERETA DARIPADA
RM 1,320.00 KEPADA RM 1,000.00**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan syarat gaji pokok untuk pinjaman kereta bagi staf Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

2.0 PINDAAN GAJI POKOK UNTUK PINJAMAN KERETA

- 2.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 9 Tahun 2000 telah menetapkan syarat gaji pokok untuk pinjaman kereta adalah RM 1,320.00 sebulan.
- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 15/2005 bertarikh 3 Februari 2005, telah meluluskan pindaan syarat gaji pokok untuk pinjaman kereta daripada RM 1,320.00 kepada RM 1,000.00.
- 2.3 Lain-lain syarat pinjaman sama seperti Pekeliling Perbendaharaan Bil 7 Tahun 1993, 8 Tahun 1993, 4 Tahun 1994, 5 Tahun 1994, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 7 tahun 1996, Surat Pekeliling Bendahari Bil 7/2001 dan Pekeling Bendahari Bil 8/2004

3.0 KUATKUASA SURAT PEKELILING

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato’/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar

ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

 6007

- s.k
- Y. Bhg. Rektor
 - Y. Bhg. Timbalan Rektor (HEP)
 - Y. Bhg. Timbalan Rektor (Akademik)
 - Pendaftar
 - Ketua Unit Audit Dalam.